



**JABATAN PELAJARAN PERAK**  
JALAN TUN ABDUL RAZAK,  
30640 IPOH,  
PERAK DARUL RIDZUAN.

Telefon : 05-501 5000  
Faks : 05-527 7273  
Portal : <http://www.pelajaranperak.gov.my>

Ruj.Kami: J.Pel.(AM)5110/34( 49 )  
Tarikh: Januari 2011

Pengetua,  
SMK SULTAN TAJUL ARIFFIN  
JALAN BESAR PEKAN MANONG  
33800 MANONG

Tuan,

### **UCAPAN TAHNIAH KEPADA SELURUH WARGA SEKOLAH**

Sukacita saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Saya dengan rasa bangga memaklumkan bahawa keputusan peperiksaan PMR2010 peringkat negeri Perak telah menunjukkan peningkatan dalam kesemua kategori termasuk kuantiti, kualiti dan juga gred purata negeri.

3. Berdasarkan analisis yang diperoleh menunjukkan sekolah tuan telah menyumbang kepada peningkatan ini dengan pertambahan sebanyak 3.15% daripada 51.47% pada 2009 kepada 54.62 % pada tahun 2010. Sehubungan itu, saya mewakili seluruh warga Jabatan Pelajaran Negeri Perak merakamkan **SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH** kepada tuan, guru-guru dan seluruh warga sekolah tuan atas kejayaan ini. Sesungguhnya kejayaan ini amat kami hargai dan diharap dapat dipertingkatkan lagi pada tahun hadapan.

4. Saya juga berharap kejayaan ini akan menjadi penyuntik semangat kepada semua guru di sekolah tuan. Kesediaan mengubah kelaziman akan dapat menggerakkan usaha melakar kejayaan yang berterusan. Resepi kejayaan ini dirasakan perlu dikongsi dengan rakan-rakan di sekolah lain supaya nikmat kejayaan dapat dirasakan seluruh warga pendidikan negeri Perak.

5. Akhir kata, syabas dan tahniah diucapkan kepada murid-murid yang telah berjaya. Sekalung tahniah kepada warga pendidik, pentadbir dan ibu bapa kerana pengorbanan yang dicurahkan demi kejayaan ini. Semoga usaha murni ini diteruskan dengan penuh iltizam bagi merealisasikan hasrat "**Perak Sentiasa di Puncak Kecemerlangan**".

Sekian, terima kasih.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DAN SELAMAT MAJU JAYA "**

Saya yang menurut perintah,

  
(**MOHD RAUFI BIN MOHD ISA, PMP., KMN., AMP., PPT. )**  
Pengarah Pelajaran Negeri Perak

- s.k : 1. Timbalan Pengarah Pelajaran Negeri Perak  
2. Semua Ketua Sektor, Jabatan Pelajaran Negeri Perak  
3. Semua Pegawai Pelajaran Daerah, Negeri Perak